

23 AUG, 2025

Pengantarabangsaan universiti jadi sasaran penting RMK13



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pengantarabangsaan universiti jadi sasaran penting RMK13

- Melalui kolaborasi rentas sempadan, pelajar akan terdedah kepada perspektif budaya, bahasa, dan disiplin yang lebih luas, manakala pensyarah berpeluang memperkuuh kepakaran serta menghasilkan penyelidikan lebih berimpak

- UiTM tampil sebagai contoh institusi yang proaktif memanfaatkan peluang ini melalui kolaborasi dengan universiti tersohor di dunia Islam, inovasi teknologi, serta keterlibatan menyeluruh kampus cawangan



Oleh Prof Dr Mohd Afandi Mat Rani
bhrenanca@bh.com.my

Rektor Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Kelantan

Pengantarabangsaan universiti kini menjadi antara tonggak penting dalam landskap pendidikan tinggi dunia. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai jambatan ilmu antara pelbagai negara, tetapi juga memperkuuh daya saing sesebuah institusi dalam melahirkan siswa-siswiwah berfiliran global, berdaya saing dan mampu menjadi agen perubahan di pentas antarabangsa.

Pengantarabangsaan universiti bukan sahaja agenda dalaman sesebuah institusi, tetapi juga selari dengan hala tuju strategik negara. Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menekankan kepentingan memperkuuh sektor pendidikan tinggi sebagai pemacu ekonomi dan pembinaan masyarakat berilmu serta beretika tinggi.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyatakan komitmen penuh untuk menjayakan matlamat RMK13 dengan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan holistik, pengantarabangsaan universiti, digitalisasi pembelajaran, serta pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Dalam perbahasan RMK13 di Parlimen, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambyr Abd Kadir, menegaskan KPT komited memacu reformasi pendidikan tinggi merangkumi semakan kurikulum, pendigitalan, pembelajaran sepanjang hayat serta pelaksanaan program berimpak tinggi berdasarkan pengantarabangsaan.

Ini selaras dengan penegasan beliau pada Majlis Perutusan 2025 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 10 Januari bahanah pengantarabangsaan pendidikan tinggi menjadi antara tujuh Fokus Utama KPT 2025, selain penyediaan bakat terbaik negara, kewibawaan akademik dan warga kampus, pemindahan dan perkongsian ilmu, governan dan kepermimpinan, kemapanan kewangan institusi pengajian tinggi (ipt), serta infrastruktur, digital dan kesajaheaan kampus.

Dalam era globalisasi, universiti tidak boleh terkurung dalam sempadan negara. Mobiliti pelajar, pertukaran pensyarah, penyelidikan bersama serta pembangunan kurikulum berorientasikan antarabangsa adalah elemen yang meningkatkan kualiti pendidikan.

Melalui kolaborasi rentas sempadan, pelajar akan terdedah kepada perspektif budaya, bahasa, dan disiplin yang lebih luas, manakala pensyarah berpeluang memperkuuh kepakaran serta menghasilkan penyelidikan lebih berimpak.

Selain itu, pengantarabangsaan juga berperanan sebagai pemangkin reputasi global sesebuah universiti. Universiti yang berjaya membina rangkaian antarabangsa berpotensi menarik pelajar, pensyarah, dan penyelidik terbaik dari seluruh dunia, sekali gus meningkatkan kedudukan universiti dalam penarafan global, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

Dalam kerangka ini, UiTM mengorak langkah proaktif memperkuuh pengantarabangsaan melalui

kerjasama dengan universiti terkemuka dunia Islam. Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib mengetua delegasi bersama pensyarah mewakili pelbagai fakulti dari seluruh UiTM cawangan di Malaysia ke Universiti Umm Al-Qura (UQU), Makkah.

Lawatan ini memberi tumpuan kepada peluang jaringan kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan, mobiliti pelajar dan pensyarah serta pembangunan kompetensi dan pensijilan bahasa Arab di peringkat antarabangsa.

UiTM berhasrat menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) dengan UQU yang bakal membuka peluang kolaborasi dalam penyelidikan bersama, pertukaran pelajar, pengajaran seminar antarabangsa dan pembangunan kurikulum.

Kerjasama ini mencerminkan aspirasi UiTM 2025: Globally Renowned, Locally Rooted, iaitu menjadikan universiti bertaraf dunia tetapi tetap berkarak pada budaya dan identiti Malaysia serta tidak mengabaikan kepentingan hak pendidikan Bumiputera sedia ada.

Selain kerjasama dengan UQU, UiTM turut mengadakan pertemuan strategik dengan Pengarah Wadi Makkah, pusat inovasi dan keusahawanan UQU, merangkup Ketua Pegawai Eksekutif IQRA Al-Arabiyah Universiti Ummul Qura, Syeikh Abdullah Bawazir yang berperanan menghubungkan akademik dengan industri. Fokus utama perbincangan termasuk penggunaan bahasa Arab serta penerokaan inovasi berdasarkan teknologi yang berpotensi meningkatkan daya saing siswa-siswiwah UiTM di pasaran global.

Peluang kerjasama akademik

Delegasi UiTM juga berkunjung ke Universiti Islam Madinah untuk membincangkan peluang kerjasama akademik dan program mobiliti. UiTM memekankan bahawa setiap kampus cawangan di seluruh negara wajar terlibat dalam agenda pe-

ngantarabangsaan ini agar manfaat dapat dikongsi secara menyeluruh, bukan hanya di kampus utama.

Naib Canselor UiTM turut mencadangkan agar penglibatan kampus cawangan UiTM bagi memastikan manfaat dapat dikongsi secara menyeluruh di seluruh negara. UiTM mempunyai jaringan kampus yang luas di seluruh Malaysia.

Dengan adanya kerjasama strategik ini, seluruh fakulti di pelbagai cawangan akan mendapat peluang untuk terbabit dalam penyelidikan bersama, program mobiliti dan pengembangan kurikulum yang mampu memperkasakan pelajar serta pensyarah.

Kekuatan UiTM terletak pada rangkaian kampusnya di seluruh Malaysia. Dengan adanya kerjasama strategik antarabangsa begini, UiTM memastikan seluruh komuniti akademiknya menikmati akses kepada peluang global. Ini sejajar dengan agenda KPT di bawah RMK13, iaitu memastikan universiti tempatan memperkuuh reputasi global tetapi tetap berpaksikan nilai dan identiti Malaysia.

UiTM membuktikan bahawa pengantarabangsaan bukan sekadar slogan, tetapi satu usaha nyata dalam melahirkan siswa-siswiwah berdaya saing antarabangsa, mengangkat penyelidikan ke tahap global, serta memperkuuh kedudukan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi serantau.

Kesimpulannya pengantarabangsaan universiti adalah agenda penting negara, selaras dengan 7 Fokus Utama KPT dan aspirasi RMK13. UiTM tampil sebagai contoh institusi yang proaktif memanfaatkan peluang ini melalui kolaborasi dengan universiti tersohor di dunia Islam, inovasi teknologi, serta keterlibatan menyeluruh kampus cawangan.

Usaha UiTM ini diharapkan bukan sahaja akan mengangkat reputasinya di pentas global tetapi juga akan menzahirkan sama semangat Malaysia MADANI dalam membina masyarakat berilmu, progresif dan inklusif seiring dengan visi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi antarabangsa yang ditekankan Perdana Menteri.

Sebahagian delegasi UiTM ketuai Dr Shahrin ketika berkunjung ke Universiti Umm Al-Qura, Makkah, Khamis lalu.



23 AUG, 2025

Pengantarabangsaan universiti jadi sasaran penting RMK13

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Melalui kolaborasi rentas sempadan, pelajar akan terdedah kepada perspektif budaya, bahasa, dan disiplin yang lebih luas, manakala pensyarah berpeluang memperkukuh kepakaran serta menghasilkan penyelidikan lebih berimpak. UiTM tampil sebagai contoh institusi yang proaktif memanfaatkan peluang ini melalui kolaborasi dengan universiti tersohor di dunia Islam, inovasi teknologi, serta keterlibatan menyeluruh kampus cawangan.

Oleh Prof Dr Mohd Afandi Mat Rani bhrencana@bh.com.my

Pengantarabangsaan universiti kini menjadi antara tonggak penting dalam landskap pendidikan tinggi dunia.